

Insentif hari raya: PM tidak tahu

PUTRAJAYA 27 Mei - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui tidak tahu sama ada bayaran insentif Hari Raya Aidilfitri akan diberikan atau tidak kepada 112,653 peneroka Felda di seluruh negara.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, persoalan berhubung perkara itu perlu ditanyakan kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

“Ada ka?” tanya Dr. Mahathir kepada Menteri Kewangan, Lim Guan Eng di sebalahnya.

Perdana Menteri menambah: “Saya tidak tahu... pegawai kerajaan kita bagi. Mereka ini kita tidak tahu pegawai atau tidak, itu kena tanya Mohamed Azmin,” kata beliau kepada pemberita selepas Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2019 di bangunan Kementerian Kewangan, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Dr. Mahathir menjelaskan, mesyuarat tersebut tidak membincangkan tentang Felda dan soal melibatkan agensi kerajaan itu telah banyak kali dibincangkan dalam forum lain tetapi berkata: “Kita mempunyai cadangan-cadangan tertentu untuk memperbaiki keadaan di Felda.”

Majlis Permuafakatan NGO Felda (MPNF) yang mewakili kumpulan peneroka di seluruh negara sebelum ini tampil mendesak kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk memem-

nuhi permintaan mereka bagi memastikan sambutan raya pada tahun ini lebih bermakna.

Pengerusi MPNF, Datuk Mazlan Aliman berkata, pihaknya telah menghantar surat kepada Dr. Mahathir bagi meminta kerajaan mempertimbangkan permintaan warga Felda sebelum kehadiran bulan Syawal.

Media sebelum ini melaporkan, kerajaan masih belum membuat keputusan berhubung pemberian ‘duit raya’ kepada 112,635 peneroka Felda di seluruh negara, susulan keadaan kewangan negara.

Sementara itu, Mahathir mengumumkan kerajaan bersetuju untuk menghapus kira pinjaman projek Bekalan Air Luar Bandar Kerajaan Negeri bagi tahun 2001 dan ke atas.

Langkah itu jelas Perdana Menteri, adalah berdasarkan baki belum selesai pada 31 Disember tahun lalu keseluruhannya berjumlah RM3.8 bilion.

Beliau memberitahu, ini tertakluk kepada kerajaan negeri untuk memuktamadkan Skim Penstrukturan Semula Industri Bekalan Air Negara selewat-lewatnya pada 31 Disember depan.

Menurutnya, kerajaan juga bersetuju agar Projek Bekalan Air Luar Bandar tidak lagi dibiayai dalam bentuk pinjaman mudah Kerajaan Persekutuan tetapi akan diperuntukkan secara geran di bawah kawal selia Kementerian Pembangunan Luar Bandar.